

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Semester Kedua

Sidang 1987/88

HIA 101 - Pengantar Islam

Tarikh: 9 April 1988

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengahari
(3 jam)

ARAHAN

- Pilih dan jawab TIGA(3) soalan sahaja.
 - Teliti dan fahamkan semua soalan yang diberikan sebelum anda memilih tiga soalan yang akan anda jawab. Kemudian telitikan pula kehendak-kehendak yang terkandung di dalam soalan pilihan anda.
 - Agihkan masa dengan bijak, supaya anda dapat menjawab soalan-soalan pilihan anda dengan baik.
 - Kemukakan dalil-dalil al-Quran dan Hadith di dalam jawapan anda. Anda mesti memenuhi syarat ini.
1. Faham sekular amat bertentangan dengan Agama (al-Din), faham ini samasekali tidak boleh didamaikan dengan ajaran agama (al-Din). Soalnya:
- (a) Huraikan pernyataan di atas dengan menunjukkan bentuk-bentuk pertentangan di antara faham sekular dan agama (al-Din).
 - (b) Bagaimanakah kesan yang diterima oleh agama (al-Din) hasil dari merebaknya faham ini?
 - (c) Tunjukkan dengan jelas apakah yang ditawarkan oleh agama (al-Din) kepada manusia, berbanding dengan faham sekular ini.
2. Sifat Penyerahan Diri dan Ketaatan kepada Allah, merupakan dua syarat penting yang mesti wujud pada setiap Muslim untuk menghayati cara hidup Islam. Soalnya:
- (a) Jelaskan maksud dua perkataan bergaris di atas, lengkap dengan dalil-dalilnya.
 - (b) Apakah sifat-sifat khas yang membentuk kekuatan Dinul-Islam?

.../2

- (c) Mengapakah manusia mesti mengabdikan diri kepada Allah melalui ibadat khusus?
3. Tauhid merupakan dasar dan teras kepada kesempurnaan sistem hidup Islam.
- (a) Huraikan pengertian Tauhid Uluhiyyah dan Tauhid Rububiyah, dan mengapakah ianya amat penting?
- (b) Bagaimanakah cara-cara yang boleh membawa manusia mengenali Allah dan apakah maksud pendekatan secara Ijmal (ringkas) dan pendekatan secara tafsil (terperinci)?
- (c) Analisis empat(4) ajaran dasar yang terkandung di dalam Syahadah.
4. Sistem Muamalat di dalam Islam, menekankan unsur keadilan dan perlindungan dalam kegiatan ekonomi Islam. Soalannya:
- (a) Berikan hujah yang menyakinkan bagaimana pernyataan di atas boleh dicapai.
- (b) Kemukakan kritikan anda terhadap bahaya yang terdapat di dalam amalan Riba (Interest).
- (c) Huraikan bagaimanakah institusi zakat berperanan di dalam membantu golongan yang memerlukan.
5. Undang-undang gubalan manusia lazimnya adalah lemah, undang-undang Allah adalah mantap dan lengkap. Soalannya:
- (a) Tunjukkan dengan jelas kebenaran pernyataan di atas.
- (b) Berikan bukti-bukti yang menunjukkan bahawa syariat (peraturan) Islam itu sesuai dengan sifat tabie manusia.
- (c) Kemukakan langkah-langkah berkesan yang berupaya membentaras masalah jenayah mengikut pandangan Islam.